

# Ibadah Solat Orang Buta Menurut Pandangan Ulama

*Prayers by the Blind People According to Scholars of Islamic Jurisprudence*

**Mohd Noor Daud, Abdul Munir Ismail & Abd Rahman Abd Ghani**

*Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
 e-mel: mohd.noor@fsk.upsi.edu.my*

## Abstrak

*Artikel ini bertujuan menjelaskan pandangan ulama fiqh mengenai aspek-aspek berkaitan dengan penglibatan orang buta dalam ibadat solat seperti ijtihad dalam penentuan waktu solat, hukum mengadap kiblat, hukum orang buta menjadi imam dalam solat jemaah dan kewajipan solat Juma'at. Isu-isu ini telah dibincangkan dan di analisa dengan terperinci oleh ulama-ulama dari pelbagai mazhab dalam kitab-kitab fiqh yang muktabar. Hukum agama yang ditetapkan dalam Islam bersetujuan dengan kemampuan individu agar hukum berkenaan tidak membebankan di luar kemampuan mereka.*

**Kata kunci** ibadah solat, orang kurang upaya, orang buta, ulama fiqh

## Abstract

*This article aims to explain views of Islamic jurisprudence scholars on matters related to blind people and prayer such as their ijtihad to decide praying times, issues on facing the qiblah, leading congregation prayer and also whether Juma'ah prayer is obligatory for them. These issues were discussed and analysed in details by scholars from different school of jurisprudence in the authoritative Islamic jurisprudence books. Religious law dictated in Islam is undoubtedly compatible with people's capabilities so that it would not be a burden to them.*

**Keywords** prayer, disabled, blind people, Islamic jurisprudence scholars

## Pengenalan

Manusia diciptakan Allah s.w.t sebagai khalifah yang dipertanggungjawabkan mentadbir dan mengurus bumi ini. Manusia merupakan makhluk yang paling baik ciptaanNya sebagaimana ditegaskan di dalam al-Quran. Sebagai khalifah Allah s.w.t, manusia dibekalkan dengan panca indera seperti pendengaran, penglihatan, hati nurani, dan anggota tubuh badan. Namun tidak semua makhluk termasuklah manusia diciptakan Allah mempunyai panca indera yang sempurna. Dengan kata lain, ada yang cacat atau tidak sempurna yang dikenali dengan panggilan Orang Kurang Upaya atau Orang Kelainan Upaya (OKU). Ketidakupayaan itu kadang-kadang berlaku semenjak dilahirkan dan ada juga yang menjadi OKU kerana ditimpa kemalangan atau menghidapi penyakit tertentu.

Ketidakupayaan atau kecacatan adalah takdir yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t dan tidak ada sesiapapun yang mahu dilahirkan dalam keadaan cacat dan tidak sempurna. Justeru, mereka yang ditakdirkan sebegitu perlu menerima ketentuan tersebut dengan penuh redha kerana itu bukanlah ukuran atau penilaian seseorang di sisi Allah s.w.t. Sebaliknya penilaian yang akan dilihat kepada ketakwaan seseorang. Perkara ini dinyatakan dalam hadis Nabi s.a.w yang bermaksud berdasarkan riwayat Muslim: "Sesungguhnya Allah s.w.t tidak melihat kepada tubuh kamu, tidak juga rupa paras kamu, tetapi Allah s.w.t melihat kepada amalan kamu". Dalam riwayat yang lain disebut "tetapi Allah s.w.t melihat kepada amalan kamu dan hati kamu" (Muslim, t.t, jil.8,h.11). Difahami dari hadis ini bahawa OKU juga dibebankan dengan tanggungjawab keagamaan seperti bersuci, solat, zakat, haji, puasa dan lain-lain.

## Pengertian Buta

Penglihatan adalah pancaindera yang menyalurkan sumber informasi kepada setiap insan. Kita perlu bergantung pada penglihatan setiap masa, sama ada dalam aktiviti menguruskan diri, mengenal orang dan objek, mengendalikan kemahiran motor, mahupun dalam tingkah laku sosial. Penglihatan juga penting dalam proses perkembangan, kerana 80 peratus daripada yang dipelajari adalah melalui penglihatan (Jamila K.A. Mohamed, 2005: 50)

## Pengertian Buta dari Sudut Bahasa

Di dalam bahasa Arab, asal perkataan buta adalah (عَمِيٌّ), bagi lelaki disebut (أَعْمَى) dan bagi perempuan (عَمِيَّةٌ). Definisi iaitu buta pada pandangan Al-Azhari dan az-Zabi di ialah telah hilang pandangan pada kedua-dua mata serta tidak diletakkan maksud pada perkataan (العَمِيٌّ) ke atas satu mata (yang buta) (al fayumi, 1421/2000M: 318); (al Fairuzaabadi, 1406H/1986M: 550). Firman Allah Taala:

فَعَمِيَتْ عَلَيْهِمُ الْأَنْبَاءُ يَوْمَئِذٍ فَهُمْ لَا يَسْأَلُونَ

Surah Al-Qasas (28:66)

Terjemahannya: Maka gelaplah kepada mereka, pada hari itu, Segala khabar berita dan peristiwa (yang telah lalu), serta menjadilah mereka tidak dapat hendak bertanya-tanyaan sesama sendiri.

(Tafsir Pimpinan ar-Rahman, 2000: 1021)

Ayat ini telah menceritakan berkaitan buta perkhabaran (berita); ayat itu memberi tafsiran buta perkhabaran (berita) bermaksud berita yang tersembunyi. Pandangan lain tentang definisi orang buta ialah seperti kebanjiran dan kebakaran yang akan merebak kerana apabila berlaku kedua-dua perkara tersebut, tidak ada benda yang boleh menahannya dan tidak menyangka ke mana arah ia merebak; keadaan tersebut seperti orang buta yang tidak tahu dimana beliau berada dan beliau berjalan mengikut arah kakinya.

Manakala istilah buta untuk hati dipinjam kerana dijadikan sebagai kiasan kepada perkataan sesuatu kesesatan, serta dikaitkan juga dengan seseorang yang tidak mendapat petunjuk (Allah). Selain itu, bagi orang yang buta hati juga bermaksud orang yang jahil dan buta pandangan hati. (Syamma', 1994: 39). Firman Allah Taala:

أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَتَكُونَ لَهُمْ قُلُوبٌ يَعْقِلُونَ بِهَا أَوْ آذَانٌ يَسْمَعُونَ بِهَا فَإِنَّهَا لَا تَعْمَلُ الْأَبْصَارُ وَلَكِنْ تَعْمَلُ الْقُلُوبُ الَّتِي فِي الصُّدُورِ

Surah Al-Hajj (22:46)

Terjemahannya: Oleh itu, bukankah ada baiknya mereka mengembara di muka bumi supaya - dengan melihat kesan-kesan yang tersebut- mereka menjadi orang-orang yang ada hati yang dengannya mereka dapat memahami, atau ada telinga yang dengannya mereka dapat mendengar? (tetapi kalaular mereka mengembara pun tidak juga berguna) kerana keadaan yang sebenarnya bukanlah mata kepala yang buta, tetapi yang buta itu ialah mata hati yang ada di dalam dada.

(Tafsir Pimpinan ar-Rahman, 2000: 853)

Perbincangan dalam kajian ini adalah merujuk kepada makna buta bagi orang yang kehilangan upaya untuk melihat dengan kedua-dua mata. Selain itu, (al-Fairuzaabadi, 1986: 550), (al-Fayumi, 2000: 256) terdapat juga istilah lain di dalam bahasa Arab yang digunakan bagi mendefinisikan orang yang kehilangan upaya untuk melihat pada kedua-dua mata mereka, sebagai contoh, **الضرير**, **المكتوف**, **الأخمه** dan **الأكمه**.

## Pengertian Buta dari Sudut Fiqh

Makna buta dari sudut fiqh tidak jauh bezanya dengan makna bahasa, dengan definisi-definisi bahasa yang diterangkan, jelas bahawa orang buta adalah mereka yang kehilangan penglihatan mereka kerana kecacatan atau kelahiran (al-Lahham, 2009:5); (Syamma', 1994:40).

## Pengertian Buta dari Sudut Perubatan

Istilah buta dirujuk pada teori undang-undang, setiap penetapan (gambaran) yang berpusat pada ruang visual mata akan menyampaikan ke lapisan membentuk di dalamnya; ruang visual adalah satu lapisan daripada lapisan yang mana ada di dalam mata, terdapat tidak kurang daripada sepuluh lapisan.

Terdapat juga pandangan yang mengatakan bahawa orang buta adalah mereka yang kehilangan upaya melihat keseluruhannya sama ada disebabkan genetik atau disebabkan kecacatan.

Berdasarkan daripada pelbagai definisi yang telah dikaji sebelum ini tentang pekak, bisu dan buta, jelaslah bahawa ulama-ulama fiqh terdahulu tidak mendefinisikan orang-orang pekak, bisu dan buta, tetapi mereka mengisahkan keadaan golongan tersebut mengikut masalah hukum-hakam bagi mereka.

Selain itu, ada juga yang meletakkan titik perbezaan di antara mereka, iaitu mereka daripada golongan yang tidak mempunyai kesempurnaan pada keupayaan anggota badan mereka. Sebagai contoh, mereka tidak berupaya untuk mendengar, bertutur dan melihat secara normal. Selain itu, keadaan mereka ini akan memberi kesan pada hal-hal yang berkaitan dengan hukum-hukum dalam ibadat mereka seperti mana yang akan dijelaskan nanti (Jamila K.A Mohamed, 2005:50); (Qataif, 2008:24).

## Ijtihad Orang Buta Menentukan Waktu Solat

Syarat sah solat bermaksud syarat yang menjadikan solat seseorang diterima oleh syarak di samping adanya kriteria lain seperti rukun (al-Zuhaili, 1997:722). Syarat-syarat tersebut perlu dilakukan oleh setiap orang Islam yang hendak menuaikan solat. Oleh itu, jika sekiranya salah satu tidak dilakukan, maka hukum solatnya adalah tidak sah dan terbatal. Salah satu syarat sah solat ialah mengetahui masuk waktu solat.

Ulama-ulama fikah telah bersepakat bahawa orang buta boleh berijtihad pada waktu-waktu solat, apabila tidak terdapat orang normal memberitahu kepada mereka masuknya waktu solat atau tidak terdapat berita yang boleh dipercayai tentang waktu solat daripada orang yang normal (Qataif, 2008: 75).

Menurut Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali berpendapat solat dihukum sah jika waktunya telah masuk. Jika seseorang itu syak dalam menentukan waktu solat, maka dia tidak boleh melaksanakan solat sehingga menyakini masuk waktu atau berat sangkaannya telah masuk waktu seperti seseorang yang melakukan sesuatu pekerjaan yang menjadi kebiasaannya melakukan itu dengan ukuran masuk waktu atau dia membaca al-Quran sejumlah ayat. Jika berat sangkaannya melalui cara itu dapat menentukan masuk waktu solat, maka diharuskan dia melaksanakan solat (Ibn Abidin, tt, jld 1:370); (al-Maghribi, 1394H: 450); (al-Nawawi, t.t, jld 2: 72-73); (al-Bahuti, t.t, jld 1:137).

Ibn Abidin, t.t, jld 1: 370 menyebutkan dalam kitab Hasyiyah Rad al-Mukhtar: "Orang buta boleh berijtihad sebagaimana orang celik, kerana dia mampu memahami tanda-tanda ini sama sebagaimana orang celik".

Dalam kitab Mawahib al-Jalil ada disebutkan: "Sesiapa yang syak dalam menentukan waktu solat, dia tidak boleh solat dan perlu berijtihad. Dia perlu melambatkan pelaksanaan solat sehingga yakin atau berat sangkaannya telah masuk waktu" (al-Maghribi, 1394H: 450).

Dalam kitab al-Majmuk dinyatakan: "Wajib ke atas orang buta berijtihad sebagaimana orang celik ketika syak waktu solat, kerana dia sama sahaja dengan orang celik mampu menggunakan tanda-tanda untuk menentukan waktu solat. Dia perlu berijtihad apa bila tidak ada orang yang boleh dipercayai (*thiqah*) memberitahunya telah melihat tanda-tanda masuk waktu. Sebagai contoh dia berkata: "Aku telah melihat fajar telah terbit atau aku telah lihat *syafaq* (fajar merah) terbenam. Dalam konteks ini dia tidak boleh berijtihad, sebaliknya beramal dengan perkhabaran orang yang boleh dipercayai (*thiqah*) itu" (al-Nawawi, t.t., jld 2: 72-73). Pendapat ini dibina berdasarkan dalil al-Sunah, al-Athar dan dalil akal.

1. Dalil as-Sunnah, iaitu berdasarkan riwayat Buraidah katanya: Kami bersama Rasulullah S.A.W dalam satu peperangan. Baginda bersabda: “Bersegeralah bersolat asar pada hari mendung, kerana sesiapa yang luput solat Asar, maka gugurlah amalannya” (al-Qazwini, t.t, jld 1: 227).

Maksud hadis di atas ialah Nabi S.A.W menggesa kita agar bersegera melaksanakan solat asar pada hari mendung apabila telah masuk waktunya dilakukan dengan yakin atau berdasarkan berat sangkaan (*ghalabahzan*).

2. Para sahabat melaksanakan puasa fitri (Ramadhan) berdasarkan berat sangkaan (*ghalabahzan*).
3. Menurut al-Maqdisi, 1405H, jil 1, 387, orang buta mampu menentukan masuk waktu solat sebagaimana orang celik melakukannya pada hari mendung. Ini kerana kedua-duanya menggunakan petunjuk tertentu seperti berlalu tempoh masa tertentu, bacaan al-Quran, kembali dari melakukan pekerjaan tertentu. Apabila berat sangkaannya telah masuk waktu, maka adalah harus dia melakukan solat.

## **Hukum Orang Buta Menghadap Kiblat dan Ijtihad Mereka Menentukan Kiblat**

Menurut jumhur ulama, mengetahui arah kiblat adalah salah satu syarat sah solat yang diwajibkan bagi orang yang berkemampuan dan amanah. Mereka juga bersepakat mengatakan orang buta tidak boleh berijtihad dalam menentukan kiblat, tapi boleh meniru (arah kiblat) orang mukalaf yang adil dan arif (tentang arah kiblat) kerana sudah menjadi kebiasaan pada penglihatan (Ayamma', 1994: 81).

### **Hukum Orang Buta Mengadap Kiblat**

Para ulama berbeza pendapat mengenai hukum orang buta menghadap kiblat. Ulama Hanafi, Syafie dan Hanbali berpendapat orang buta hendaklah bertanyakan mengenai kiblat. Menurut ulama Hanafi, orang buta perlu berwaspada jika tidak ada orang yang boleh ditanya mengenai kedudukan kiblat atau jika tidak ada orang memaklumkan walaupun sudah ditanya. Jika dimaklumkan mengenai kiblat selepas selesai solat, beliau tidak perlu mengulangi solat tersebut. Dalam kes dia bertanya dan berwaspada, jika kiblat itu tepat, solatnya dihukum sah. Namun jika kiblat itu tidak tepat, maka solatnya tidak sah (Qataif, 2008:75).

Menurut (al-famli, t.t, jld 1: 424-425); (al-Maqdisi, 1405H, jld 1: 472); (Ibn Abidin, 2000, jld 1: 291) dalam situasi jika dia bersolat tidak menghadap kiblat, kemudian dipalingkan oleh orang lain ke arah kiblat yang betul serta masih di dalam waktu ingin melakukan solat ada orang lain yang boleh ditanya sedangkan beliau tidak bertanya, maka solatnya tidak sah. Menurut ulama Hanbali, apabila seseorang itu solat berdasarkan ijtihad menghadap ke arah satu kiblat. Kemudian dia mengetahui bahawa dia tersilap arah kiblat, maka tidak wajib dia mengulangi solat.

Menurut mereka, jika seseorang celik yang bermukim melaksanakan solat dan tersilap arah kiblat, atau orang buta solat tanpa berpandukan kepada dalil atau petanda dalam menentukan arah kiblat sebagai contoh dengan bertanyakan orang yang mengetahui, atau dia tidak menyentuh mihrab atau seumpamanya yang membolehkan beliau mengetahui arah kiblat dan ternyata arah kiblat itu salah, kedua-dua mereka wajib mengulangi solat. Ini kerana bagi orang yang bermukim bukan situasi yang perlu berijtihad kerana wujud dalil seperti mihrab atau terdapat orang yang boleh ditanya. Mereka berdua perlu mengulangi solat kerana dianggap cuai dari bertanya atau dari menggunakan dalil atau tanda sebagai petunjuk arah kiblat (al-Bahuti, t.t, jld 1: 311).

Menurut mazhab Maliki orang buta tidak perlu bertaklid dengan seorang mujtahid, akan tetapi dia hendaklah bertanyakan tanda-tandanya, supaya boleh dijadikan bantuan untuk menentukan arah kiblat. Seseorang yang bukan mujtahid, adalah seseorang yang tidak mengetahui tanda-tanda atau bagaimana cara untuk mengetahui tandanya. Oleh itu, beliau hendaklah mengikut orang yang boleh dipercayai, adil serta mengetahui cara untuk berijtihad atau mengetahui kedudukan mihrab. Sekiranya tidak ada sesiapa yang boleh menunjukkan arah kiblat kepadanya, maka dia perlu memilih salah satu bahagian daripada empat bahagian masjid, dan bersembahyang untuk waktu itu sahaja (al-Dusuqi, t.t, jld 1, 226-227).

## **Hukum Orang Buta Menentukan Kiblat Berpandukan Mihrab**

Ulama berbeza pendapat dalam menetapkan hukum bagi orang buta yang menentukan arah kiblat berpandukan mihrab (iaitu tempat sembahyang bagi imam) apabila tidak terdapat orang yang boleh diikuti olehnya (Qataif, 2008: 75). Ulama' mazhab Hanafi berpandangan bahawa orang buta tidak perlu menyentuh mihrab jika tiada orang yang boleh ditanya. Manakala ulama' mazhab Maliki pula berpandangan bahawa orang buta tidak boleh berijtihad dan perlu mengikut kedudukan mihrab, tetapi sekiranya tidak terdapat orang yang boleh diikuti dan beliau tidak mengetahui kedudukan mihrab, maka beliau boleh memilih salah satu sudut di dalam masjid serta sembahyang di tempat tersebut. Jika sekiranya ada orang memberitahu kepada orang buta tersebut bahawa orang yang diikutinya itu salah (arah kiblatnya), maka perlulah membetulkan arah kiblat beliau ke arah yang kiblat yang betul (Ibn Abidin, 2000, jld 1: 434).

Ulama' mazhab Syafi'i pula mengatakan bahawa orang buta perlu memastikan (kedudukan) mihrab dengan sentuhan terlebih dahulu; begitu juga keadaan orang normal yang berada dalam kegelapan, perlu mengikut kaedah orang buta tersebut. Jika masih lagi ragu-ragu, maka perlulah bersabar sehingga ada orang yang memberitahu arah kiblat, dan jika risau kehabisan waktu solat maka perlulah mengulangi kaedah tersebut kerana keuzurannya hanya sedikit. Selain itu, mereka perlu memperbaharui ijтиhad mereka setiap kali solat yang wajib atau yang dinazarkan atau pun diqada' (ganti) (al-Nawawi, t.t, jld 3: 202-210).

Pandangan yang sama diutarakan oleh ulama' mazhab Hanbali. Menurut mereka apabila orang buta solat di sebuah tempat yang mempunyai ramai orang, tetapi beliau solat tanpa ada pemberitahuan serta salah (arah kiblat); maka perlulah beliau mengulangi solat itu kembali, kerana beliau mampu untuk mendapatkan pemberitahuan tersebut serta boleh merujuk kepada mihrab masjid (al-Maqdisi, 1405, t.t, jld 1: 489).

## **Hukum Orang Buta Bertaklid / Mengikut Orang Lain dalam Menentukan Kiblat**

Menurut para ulama, taklid bermaksud menerima kata-kata orang lain tanpa hujah. Berdasarkan huraian di atas jika seseorang itu menerima kata-kata Nabi atau ijmak, ia tidak dinamakan taklid kerana kata-kata Nabi dan ijmak itu sendiri adalah hujah. Syarat orang yang ditaklid (diikuti) mestilah seorang muslim, baligh, berakal, seseorang yang boleh dipercayai, arif menggunakan petunjuk dalam menentukan kiblat. Sama seperti lelaki mahupun perempuan, merdeka mahupun hamba (Syamma', 1994: 76).

Menurut jumhur ulama yang terdiri daripada ulama Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali jika seseorang itu tidak mengetahui arah kiblat, dan tidak ada seseorang yang boleh ditanya sedangkan waktu sudah berada di hujung atau kerana dia seorang buta, maka menjadi kewajipan dia bertaklid.

## **Hukum Orang Buta Tiba-Tiba Boleh Melihat dan Ragu-Ragu tentang Arah Kiblat**

Menurut mazhab Syafie dan Hanbali, apabila sesiapa yang buta telah melaksanakan solat tiba-tiba dia boleh melihat, jika terdapat petanda yang boleh dijadikan petunjuk bagi menentukan kiblat, dia boleh menyempurnakan solatnya. Namun sekiranya tidak ada petanda yang boleh dijadikan petunjuk bagi menentukan kiblat, sedangkan dia tidak pasti sama ada dia mengadap ke arah yang betul atau sebaliknya, maka batal solatnya kerana dia telah menjadi ahli ijtihad (al-Nawawi, t.t, jld 3: 1860); (al-Syarbini, t.t, jld 1:508-509).

## **Hukum Jika Orang Buta Melakukan Solat Tanpa Petunjuk Ketika Bermukim atau Ketika Musafir dan Dia Tersilap Arah Kiblat**

Menurut jumhur ulama yang terdiri daripada Ulama Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali jika seseorang yang bermukim solat tersilap arah kiblat, atau orang buta bersolat tanpa dalil, maka mereka wajib mengulangi solat. Ini kerana bermukim bukan tempat ijtihad, kerana orang bermukim mampu menentukan mihrab,

dan mampu mencari orang lain yang boleh memaklumkannya dengan yakin. Orang buta pula boleh bertanyakan orang yang boleh dipercayai (*thiqah*). Jika dia tidak bertanya dan solat ke arah kiblat yang silap, maka dia perlu mengulangi solat (al-Maghribi, 1394H, jil1: 509-510); (al-Syarbini, t.t, jld 1:136). Dinyatakan dalam kitab Hasyiyah Ibn Abidin: “Jika seseorang yang buta mendapat ada orang yang boleh ditanya tentang arah kiblat, tetapi beliau tidak bertanya, maka tidak harus solatnya” (Ibn Abidin, 2000, jld 1: 354)

Dalam al-Mughni ada disebutkan: “Apabila seseorang buta bersolat ketika bermukim tanpa didasarkan kepada dalil atau petunjuk dan tersilap arah kiblat, dia wajib mengulangi solat kerana dia mampu untuk berdalil dengan menggunakan perkhabaran dan mihrab. Seseorang yang buta jika menyentuh mihrab, dan dia tahu itu adalah mihrab yang menghadap ke arah kiblat, maka dia sama seperti orang yang celik” (al-Maqdisi, 1405H, jld 1: 493).

## Hukum Orang Buta Menjadi Imam Solat

Para ulama mempunyai pandangan yang sama tentang prinsip kepimpinan dibina atas dasar kelebihan dan kesempurnaan. Jika seseorang yang menjadi pemimpin itu memiliki kelebihan dan kesempurnaan, itu adalah lebih afdal. Jika didahuluikan orang lain yang kurang sedikit kelebihan ke atas orang yang memiliki kelebihan hukumnya harus cuma makruh. Tetapi jika orang yang memiliki kelebihan itu mengizinkan atau bersetuju dengan pelantikan itu maka hukumnya tidak menjadi makruh. Cuma dalam konteks menjadi imam, para ulama berbeza pendapat mengenai hukum orang buta menjadi imam kepada orang yang tidak buta (Qataif, 2008: 85).

Ulama Hanafi berpendapat adalah makruh orang buta menjadi imam kerana dia tidak dapat menjaga perkara-perkara najis. Sama hukumnya mendahuluikan orang fasik ke atas orang yang tidak fasik, mereka yang melakukan *bidaah*, hamba, orang *badwi*, anak zina, *safih*, orang yang ada penyakit sopak yang banyak dan lain-lain. Ini kerana melantik mereka ini akan milarikan jemaah atau para jemaah akan merasa tidak selesa (Ibn Abidin, 2000, jld 1: 376-378). Namun jika mereka ke hadapan menjadi imam hukumnya adalah harus berdasarkan sabda Nabi S.A.W:

صَلُوْا خَلْفَ كُلِّ بَرَّ وَفَاجِرٍ

Terjemahannya: “*Solatlah di belakang imam sama ada baik atau jahat*”

(al-Baihaqi, 1994, jld 4: 19)

Hukum makruh ini diasaskan atas dasar kekurangan yang mereka miliki. Tetapi jika kekurangan itu hilang sebagai contoh orang *badwi* itu lebih bagus berbanding orang bandar, hamba ke atas merdeka, anak zina ke atas anak sah taraf, orang buta ke atas orang celik, maka hukum makruh itu hilang.

Ulama Hanafi berhujah berdasarkan *athar* dan juga akal. Diriwayat daripada Ibn Abbas R.A bahawa beliau enggan menjadi imam selepas matanya menjadi buta. Beliau berkata: “bagaimana aku menjadi imam kepada kalian sedangkan kalian yang menentukan arah kiblat untukku” (Ibn Abi Syaibah, t.t, jld 1:210). Diriwayatkan daripada Sa’id bin Jubair katanya: Ibn Abbas berkata: “bagaimana aku menjadi imam kepada kalian sedangkan kalian yang menentukan arah kiblat untukku” (al-Maqdisi, 1405H, jld 1:23). Berdasarkan riwayat Anas katanya: daripada Habib bin Abi Habib al-Mahrami katanya: daripada Ziyad al-Numairi, beliau datang bertemu Anas bin Malik dan bertanya: Apa pendapat tuan mengenai seorang lelaki yang buta mengimami kawan-kawannya? Kata beliau: “apa yang mereka perlu dari orang buta” (al-Naisaburi, 1985, jld 4: 154). Orang buta menghadap kiblat dengan pertolongan orang lain. Berkemungkinan orang buta itu berpaling dari arah kiblat ketika bersolat. Orang buta tidak mampu menjauhi perkara najis. Berkemungkinan terjatuh najis ke atas pakaianya tetapi dia tidak sedar dan bersolat dalam keadaan bernajis. Orang buta juga dihukum makruh menjadi imam atas alasan kurang yang berminat mengikut orang buta. Perkara ini menyebabkan kekurangan jemaah yang sepatutnya diperbanyakkan bagi mendapat pahala dan ganjaran.

Menurut Imam Malik, makruh orang yang menjadi imam adalah mereka yang buta, terpotong tangan atau kaki atau lumpuh sekalipun mereka lebih alim atau bagus membaca al-Quran (al-Maqdisi, 1405H, jld 2: 30).

Namun menurut ulama Syafie, orang buta atau orang celik adalah sama hukumnya menjadi imam kerana masing-masing mempunyai kelebihan. Menurut mereka orang buta tidak boleh melihat perkara yang melalaikan, dengan itu dia lebih khusuk. Manakala orang yang celik Ummi Makhtum mengimamkan orang ramai sedangkan beliau seorang yang buta (Abu Daud, t.t, jld 1: 162). lebih mampu menjaga dari perkara najis, maka dia lebih mampu menjaganya. Cuma orang yang boleh mendengar adalah lebih utama menjadi imam berbanding orang yang tuli (al-Ramli, t.t, jld 2: 168-174).

Menurut ulama Hanbali pula hukum imam dari kalangan orang yang buta dan tuli adalah makruh kerana golongan tersebut banyak melakukan kesalahan bacaan tetapi masih tidak mengubah makna ayat. Begitu juga imam orang yang terpotong kedua-dua tangan atau salah satunya, orang yang terpotong kedua-dua kaki atau salah satunya. Dihukum makruh jika terdapat golongan lain yang lebih afdhal, tetapi jika tidak ada golongan lain, maka mereka bersepakat tidak dihukum makruh (al-Bahuti, t.t, jld 1: 451).

Walau bagaimanapun, disebutkan bahawa jumhur ulama yang terdiri daripada Ulama Maliki, Syafie dan Hanbali berpendapat bahawa imam orang buta adalah harus dan tidak makruh (al-Dusuqi, t.t, jld 1:333); (al-Maghribi, 1394H, jld 1: 451); (al-Syafie, 1983, jld 8: 146); (al-Suyuti, t.t: 251); (al-Maqdisi, 1405H, jil2: 30).

Dalil Jumhur:-

1. Daripada Mahmud bin al-Rabi' bahawa Uthbah bin Malik menjadi imam kepada kaumnya sedangkan beliau seorang yang buta. Beliau pernah mengadu kepada Rasulullah s.a.w tentang matanya yang buta dengan katanya: "wahai Rasulullah hari yang penuh kegelapan dan hujan sedangkan aku seorang lelaki buta. Nabi s.a.w menyebutkan hadis (mengenai orang buta) (Bukhari, 1422H, jld 1, 162).
2. Daripada Anas bin Malik r.a meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w telah melantik Ibn Ummi Makhtum mengimamkan orang ramai sedangkan beliau seorang yang buta (Abu Daud, t.t, jld 1: 162).
3. Ibn Hibban meriwayatkan dalam kitab Sahihnya daripada Aisyah r.a bahawa Nabi s.a.w telah melantik Ibn Ummi Makhtum sebagai pengganti baginda (ketika Rasulullah S.A.W keluar ke medan peperangan) mengimami solat (al-Tabari, 1415H, jld 1:31).

Pendapat yang rajih:

Selepas dibincangkan pendapat ulama di atas ternyata bahawa pendapat jumhur adalah lebih kuat berdasarkan hadis Sahih mengenai Abdullah ibn Ummi Makhtum. Jumhur berpendapat pandangan yang diutarakan oleh ulama Maliki itu adalah makruh *tanzih* bukannya makruh *tahrim*.

### **Keutamaan Menjadi Imam Solat antara Orang Buta dan Orang Celik**

Dalam isu ini ulama berbeza pendapat kepada tiga; -

Pandangan pertama mengatakan orang celik lebih utama menjadi imam berbanding orang buta. Pendapat ini diutarakan oleh Ulama Hanafi, satu pandangan ulama mazhab Syafie, pendapat yang dipilih oleh Abu Ishak al-Syirazi, satu riwayat Imam Ahmad, dipilih oleh Ibn Qudamah dan Abu al-Khattab yang merupakan ulama dalam mazhab Hanbali.

Golongan ini berhujah menggunakan dalil al-Quran, Athar dan akal seperti berikut:

- i. Firman Allah S.W.T:

وَمَا يَسْنُوِي الْأَعْمَى وَالْبَصِيرُ {فاطر/19}

Cara Berhujah: Sesiapa yang menyamakan antara keduanya iaitu antara orang buta dan orang celik telah bercanggah dengan nas al-Quran.

Ayat ini samalah dengan ayat

(فَإِنْ هُنَّ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ).

Titik persamaan ialah apabila ada orang alim dan orang jahil, maka diutamakan orang alim, maka begitu juga jika ada orang celik dan orang buta, maka diutamakan orang celik.

- i. Dalil *Athar* iaitu berdasarkan kata-kata Anas, apakah keperluan mereka kepada orang buta itu (Abu Daud, t.t, jld 1: 162).
- ii. Daripada Ibn Abbas r.a. bahawa beliau pernah berkata: Bagaimana Aku menjadi imam kepada kalian sedangkan kalian yang membantu aku menentukan kiblat. Kata-kata dan tindakan beliau itu menunjukkan bahawa orang yang celik lebih utama menjadi imam (Ibn Abi Syaibah, t.t, jld 1:210).

Pendapat kedua pula menegaskan orang celik dan orang buta sama sahaja keutamaannya untuk menjadi imam. Pendapat ini diutarakan oleh Imam Syafie dan dipilih oleh al-Qadhi dari mazhab Hanbali. (Muhammad bin Abdullah bin al-Husain al-Samiri) (al-Syirazi, t.t, jld 1: 106); (al-Nawawi, t.t, jld 4: 163); (al-Mardawi, t.t, jld 2: 251).

Manakala pendapat ketiga mengatakan orang buta lebih utama menjadi imam. Ia merupakan pendapat Abu Ishak al-Marwazi dari mazhab Syafie dan satu riwayat dari Imam Ahmad sebagai mana disebutkan oleh Ahmad bin Hamdan.

## Hukum Mengikut Orang Buta Menjadi Imam

Perbahasan mengenai hukum mengikut orang buta menjadi imam ada kaitan dengan perbahasan sebelum ini. Cuma di sini lebih menekankan kepada hukum maknum mengikut orang buta, pekak dan sebagainya menjadi imam solat. Ulama tidak berbeza pendapat mengenai sahnya mengikut imam yang buta atau pekak kerana kedua-dua mereka tidak sedikit pun mencacatkan perbuatan solat dan syarat-syaratnya (al-Mausu'ah al-Kuwaitiyyah, 1427H, jld 6: 36).

Menurut mazhab Hanafi dan Hanbali orang buta yang menjadi imam adalah makruh. Sebagaimana mazhab Maliki juga menyatakan afdal orang yang melihat yang sama kebolehannya dengan orang buta untuk menjadi imam kerana dia lebih mampu menjaga atau berwaspada daripada benda-benda najis (al-Kasani, 1996, jld 1: 234); (al-Maqdisi,t.t, jld 2: 23).

Manakala, ulama mazhab Syafie berpendapat bahawa hukum orang buta menjadi imam adalah sama sahaja dengan hukum orang yang celik kerana orang buta tidak boleh melihat perkara yang melalaikan, dengan itu dia lebih khusyuk. Manakala orang yang celik lebih mampu menjaga dari perkara najis, maka dia lebih mampu menjaganya (al-Ramli, t.t, jld 1: 174).

## Kewajipan Solat Jumaat Kepada Orang Buta

Dalam permasalahan ini, terdapat dua pandangan yang disebut oleh ulama fikah, pandangan tersebut adalah seperti berikut:

Pandangan pertama mengatakan bahawa, orang buta tidak wajib solat Jumaat iaitu tidak perlu menghadiri solat Jumaat walaupun terdapat orang yang boleh membawa beliau secara percuma atau diberi upahan. Pandangan ini adalah pandangan daripada mazhab Imam Abu Hanifah (al-Sarakhsyi, t.t, jld 2: 22-23); (Ibn Abidin, 2000, jld 2: 153-154).

Pandangan kedua pula adalah pandangan daripada jumhur ulama iaitu mazhab Maliki, Syafie, Hanbali dan sebahagian ulama mazhab Hanafi mengatakan bahawa wajib menghadiri solat Jumaat, sekiranya orang buta tersebut mendapati orang yang boleh membantunya secara percuma atau diupah. Jika tidak ada maka tidak diwajibkan. Mazhab Maliki meletakkan syarat bahawa orang yang membawa orang buta tersebut perlu diberi upah kerana upah tersebut menandakan tahap keupayaan orang buta tersebut. Hal tersebut adalah bagi mengelakkan prasangka orang lain terhadapnya (al-Nawawi, t.t, jld 4: 490); (al-Suyuti, t.t, 250); (al-Dusuqi, t.t, jld 2: 150).

Dalam Hasyiyah Ibn 'Abidin dinyatakan bahawa memiliki penglihatan adalah syarat wajib solat Jumaat. Demikian juga jika orang itu mempunyai satu mata dan orang yang kabur penglihatannya hukumnya adalah wajib untuk solat Jumaat. Manakala orang yang buta tidak wajib untuk menunaikan solat Jumaat kecuali orang yang mampu untuk mendapatkan pembantunya atau dengan mengupah orang lain (Ibn Aladin, 2000, jld 2: 153).

Dalam Hasyiyah Al-Dusuqi pula menyebut, buta tidak menjadi suatu keuzuran yang membolehkan seseorang itu meninggalkan solat Jumaat dan solat berjemaah jika sekiranya seseorang itu mampu berdiri. Manakala seorang buta yang tidak mempunyai orang untuk membimbingnya ke masjid atau sebaliknya, walau bagaimanapun tidak seharusnya meninggalkan solat Jumaat. Jika sekiranya terdapat seseorang pembantu yang telah diupah, maka hukumnya wajib ke atas beliau untuk menghadiri solat Jumaat (al-Dusuqi, t.t, jld 1: 391).

Disebut dalam kitab Majmuk Imam An-Nawawi, orang buta yang mempunyai seorang pemimpin perjalanan yang membantu atau diupah, maka beliau diwajibkan untuk solat Jumaat (al-Nawawi, t.t, jld 9: 304).

Dalam kitab Kashful-Qina' ada dinyatakan bahawa keuzuran orang buta ini bukanlah disebabkan oleh keupayaan fizikalnya, akan tetapi bergantung kepada sama ada wujud atau tidak orang yang boleh membawanya ke masjid untuk solat Jumaat (al-Bhuti, t.t, jld 1: 497).

Dalil 'aqli (hujah akal) Imam Abu Hanifah yang digunakan untuk menyokong pandangan beliau adalah seperti berikut:

- i. Orang buta adalah orang yang lemah untuk berusaha sendirian tanpa bantuan.
- ii. Orang buta juga berada dalam keadaan yang sukar dan tidak selesa untuk pergi solat Jumaat sama seperti apa yang dirasai orang yang sakit (al-Sarakhsyi, t.t, jld 2: 22-23).
- iii. Orang buta bukan seorang yang mukalaf. Ini kerana orang mukalaf tidak memerlukan keupayaan orang lain untuk melaksanakan sesuatu dan mampu melakukannya pada bila-bila masa (al-Siwasi, t.t, jld 1: 85)
- iv. Badan yang sihat, memiliki penglihatan serta mampu untuk berjalan adalah syarat wajib melaksanakan solat Jumaat (Ibn Nujaim, t.t, jil 2: 163); (Ibn Abidin, 2000, jld 2: 155)
- v. Orang buta dan golongan yang uzur boleh untuk menghadiri solat Jumaat, namun hukumnya tidak diwajibkan. Ibn Hazm berpendapat tidak ada Jumaat bagi orang yang keuzuran disebabkan oleh sakit atau takut dan keuzuran-keuzuran lain. Tiada perbezaan antara solat Jumaat dan solat-solat wajib yang lain dari sudut kewajipan melaksanakannya berjemaah dan dari sudut keuzuran yang menggugurkan (al-Zahiri, t.t, jld 5:81).

Dalil 'aqli (hujah akal) Jumhur Ulama yang digunakan untuk menyokong pandangan mereka pula adalah seperti berikut:

- i. Orang buta mampu untuk melakukan sesuatu dengan keupayaan sendiri. Sekalipun mereka tidak mampu untuk mengetahui jalan, namun orang lain boleh memimpinnya atau membetulkan sekiranya tersalah jalan (al-Sarakhsyi, t.t, jil2: 232).
- ii. Sebahagian orang-orang yang buta mampu berjalan di pasar-pasar dan berbelanja dengan mengetahui laluan perjalannya sendiri tanpa ada orang yang memimpin. Justeru, semestinya beliau tahu jalan ke masjid sekiranya beliau berkemahan. Atas alasan ini mereka wajib melaksanakan solat Jumaat (al-Bahuti, t.t, jld 1: 571)
- iii. Kemudaratan dan kekhawatiran akanterjadi sekiranya tiada orang yang memimpinnya untuk pergi ke masjid. Namun sekiranya ada orang yang memimpinnya, maka tidak ada lagi kemudaratan (al-Nawawi, t.t, jld 4:353)
- iv. Orang buta lebih elok berjalan menggunakan tongkat berbanding menggunakan orang yang memimpin (al-Nawawi, t.t, jld 4: 353).

- v. Orang buta boleh menjadikan sesuatu sebagai tempat berpaut, contohnya tali yang bersambung antara rumahnya hingga tempat solat (berjemaah), lebih-lebih lagi sekiranya rumah dan tempat solat itu berdekatan (al-Bahuti, t.t., jld 1:497).

Pendapat yang Rajih:

Setelah dibincangkan pandangan ulama berserta hujah masing-masing ternyata lebih jelas bahawa pandangan kedua yang mewajibkan orang untuk menghadiri solat Jumaat lebih kuat, tetapi sekiranya ada orang yang memimpinnya, serta orang yang memimpinnya itu perlu diberikan upah. Manakala, syarat yang menyatakan perlu diberi upah tersebut adalah bagi mengukur had keupayaan orang buta tersebut supaya tidak menjadi prasangka buruk kepada orang buta.

## Kesimpulan

Secara kesimpulan, hukum-hakam yang disyariatkan kepada seseorang adalah mengambil kira kemampuan individu itu sendiri. Walaupun terdapat prinsip hukum yang disyariatkan kepada manusia secara umum yang dinamakan hukum '*azimah*', namun syarak tetapi meraikan keadaan manusia sehingga mewujudkan hukum-hukum khusus yang dinamakan *rukhsah* kepada individu-individu tertentu dalam situasi-situasi tertentu. Dari sini jelas bahawa agama tidak membebangkan manusia di luar kemampuan manusia dan inginkan kemudahan kepada mereka. Namun, manusia masih dituntut menjadi hamba Allah SWT dengan mengabdikan diri kepadanya dalam apa juga keadaan.

## RUJUKAN

- Al-SyaikhNazzam et.al. (1991). *Al-Fatawa al-Hindiyah fi Mazhab al-Imam al-A'zam Abi Hanifah al-Nu'man*, Beirut: Dar al-Fikr, jld 1.
- Abdullah bin Ahmad bin Qudamah al-Maqdisi. (1405H). *Al-Mughni fi Fiqh al-Imam Ahmad bin Hanbal al-Syabani*. Beirut: Dar al-Fikr, jld 1.
- Abdullah bin Qudamah al-Maqdisi. (t.t.). *al-Kafi fi Fiqh al-Imam al-Mubajjal Ahmad bin Hanbal*, al-Maktab al-Islami.
- Abd Karim Zaidan. (1998). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Abdul Rahman Abdul Aziz al-Lahim. (t.t.). *Ahkam al-Asam fi al-Syariah*. al-Mamlakah al-Arabiyyah al-Saudiyyah: Dar al-Qasim.
- Abdul Rahman al-Jazairi. (1989). *Kitab al-Fiqh ala al-Mazhab al-Arbaah*. Wizarah al-Auqaf, Dar al-Kitab al-Arabi, Mesr.
- Abdur Rahman Ra'fat al-Basya. (1997). *65 Manusia Langit: Perjalanan hidup sahabat Rasulullah s.a.w.* JakartaSelatan: Senayan Abadi Publishing.
- Abu al-Husain Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qusyairi al-Naisaburi. (t.t.). *al-Jami al-Sohih am-Musamma Sahih Muslim*. No hadis.6707, jld 8, Beirut: Dar al-Jail.
- Abu Bakr Abdullah bin Abi Syaibah al-Kufi. (1409H). *Musannaf fi al-Ahadithwa al-Athar*, No Hadis 36757, j7, h367, j8. al-Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Adham Sobir Abdul al-'Ali. (2009). *Ahkam Isyarah al-Akhrash fi al-Ahwal al-Syakhsiyah wa al-Hudud wa al-Mu'amalat wa Bayan zalika wifq Maqasid al-Syariah*. Palestine: Jami'ah Islamiyyah Ghaza.
- Ahmad bin al-Husain bin Ali bin Musa Abu Bakr al-Baihaqi. (1994). *Sunan al-Kubra*. no Hadis 17599, j9, h24. Mekah al-Mukarramah: Maktabah Dar al-Baz.
- Ahmad Bin Muhammad Bin Ali Al-Muqrin Al-Fayumi. (1421H / 2000M). *Misbahul Munir*. Kaherah: Dar Al-Hadis.
- Asma' Jamal Muhammad Qataif. (2008). *Ahkam al-Summi wa al-Bukmi wa al-Umyi fi al-Ibadat: Dirasah Fiqhiyyah Muqaranah*. Palestine: Jami'ah Islamiyyah Ghaza.
- Ali bin Ahmad bin Said bin Hazm al-Zahiri. (t.t.). *Al-Muhalla*. Dar al-Fikr, j.5.
- Ali bin Sulaiman al-Mardawi Abu al-Hasan. (t.t.). *al-Insoff fi Makrifah al-Rajih min al-Khilaf 'Ala Mazhab al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Dar al-Turath al-Arabi, j2.
- Alibin Umar Al-Daraqutni. (1966). *Sunan al-Daraqutni*. Beirut: Dar al-Ma'rifah,
- Hamdi bin Ishak. (2004). *Pekak dan bisu Menurut al-Quran (konsep dan Perbandingan)*, Disertasi M.A, UKM, FPI.
- Hassan Bassam Hassan al-Lahham. (2009). *Ahkam al-A'ma fi al-Ahwal al-Syaksiah (al-Zawaj wa al-Talak):Dirasah Fiqhiyyah Muqaranah*. Palestine: Jami'ah Islamiyyah Ghaza.

- Hepi Andi Bastoni. (2003). *101 Sahabat Nabi*. Pustaka Jakarta: Timur Al-Kautsar.
- Ibrahim bin Ali bin Yusuf al-Syirazi Abu Ishaq. (t.t). *al-Muhazzab fi al-Fiqh al-Syafie*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Jalaluddin Abdul Rahman al-Suyuti. (t.t). *al-Asybah al-Nazair*. Dar al-Kutub al-Iilmiah.
- Kamal al-Din Muhammad bin Abdul Wahid al-Siwasi. (t.t). *Syarhu Fathul Qadir*. Dar al-Fikr.
- Mahir Hamid al-Huli. (2007). *al-Mu'aaq fiq al-Fikr al-Islami*. Palestine.
- Majduddin Muhammad Bin Yaakub Al-Fairuzaabadi. (1406H / 1986M). *Qamus Al-Muhit*. Muassasah Ar-Risalah.
- Mansur bin Yunus bin Idris al-Bahuti. (t.t). *Kashshaf al-Qinaa 'an Matni al-Iqna'*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad Arafah al-Dusuqi. (t.t). *Hasyiyah al-Dusuqi 'ala al-Syarh al-Kabir*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad al-Khatib al-Syarbini. (t.t). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad bin Idris al-Syafie. (1983). *al-Umm*. Dar al-Fikr.
- Muhammad bin Ismail bin Ibrahim Bukhari. (1422H). *al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulillah wa Sunan ihiwa Ayyamih*. Dar Tauq al-Najah, bab al-Masjid fi al-Buyu', j1, h162, fi al-Azan, bab al-Rukhsah fi al-Matar, j2, h157.
- Muhammad bin Hibban bin Ahmad al-Busti. (1993). *Sahih Ibn Hibbanbi Tartib Ibn Balban*. Beirut: Muassasah al-Risalah, al-Mawarid, no hadis370.
- Muhammad bin Ahmad Abu Sahal al-Sarakhsyi. (t.t). *Al-Mabsut*.
- Muhammad Amin al-Syahir bi Ibn Abidin. (t.t). *Hasyiyah Rad al-Muhtar 'ala al-Dur al-Mukhtar Syarh Tanwir al-Absar fi Fiqh Mazhab al-Imam Abi Hanifah al-Nu'man*. Beirut: Dar al-Fikr, j1.
- Muhammad bin Abd Rahman al-Maghribi. (1394H). *Mawahib al-Jalil li Syarh Mukhtasar al-Syaikh Khalil*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad bin Yazid Abu Abdullah al-Qazwini. (t.t). *Sunan Ibn Majah*. Kitab al-Solat, Bab Miqat al-Solat fi al-Ghaim, no.hadis 694.Berut: Dar al-Fikr.
- Muhammad Umar Shaghir Shamma'. (1994). *Ahkam al-A'ma fi al-Fiqh al-Islami*. Risalah al-Jamiyyah fi al-Marhalah al-Majistir. al-Mamlakah al-'Arabiah al-Suudiyyah: Jami'ah Umm al-Qura.
- Muhyi al-Din al-Nawawi. (1994). *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi*. Kitab al-Taharah, j.3. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha dan Ali al-Syurbaji. (2005). *Kitab Fikah Mazhab Syafie*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Nik Muniyati Nik Din. (2004). *Masalah Solat di kalangan pesakit dan cara penyelesaiannya: Satu kajian kes di Hospital Kota Bharu* (Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri ke-7 (Peringkat Nusantara), 4-9 Disember 2009, Institut Studi Islam Darussalam: Gontor, Indonesia.
- Shamsuddin Muhammad bin Abi Abbas Ahmad bin Hamzah Ibn Syihabuddin al-Ramli. (t.t). *Nihayatul Muhtaj ala Syah al-Minhaj*, j1.
- Sulaiman bin Abi al-Ash'ath Abu Daud al-Sajistani. (t.t). *Sunan Abi Daud*. Bab Imamatu al-Solah. Beirut: Dar al-Fikr.
- Wahbah al-Zuhali. (1997). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. jld 1, 2. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah. (1427 H). *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah* jld 6. Kuwait: Dar al-Salasil.
- Yahya bin Syaraf al-Nawawi. (t.t). *al-Majmuk Syarh al-Muhazzab* jld 3. Dar al-Fikr.
- Yusri Abd Malik & Siti Paujiah. (1995). *Kecacatan Anggota*. Selangor: Penerbit Setiamas.
- Zainuddin Ibn Nujaim al-Hanafi. (t.t). *Al-Bahr al-Raiq Syarh Kanzu al-Daqaiq* jld 2. Dar al-Makrifah.